

NO. SOALAN : 71

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN ER TECK HWA

[BAKRI]

TARIKH : 17 MAC 2014

SOALAN :

YB. Tuan Er Teck Hwa minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan penyelidikan arkeologi yang dijalankan untuk tapak-tapak perkuburan cina di kawasan Pengerang. Adakah PETRONAS pernah menawarkan rancangan untuk mengenal pasti sejarah untuk tapak-tapak perkuburan tersebut.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Bakri, kawasan perkuburan Cina di Pengerang tidak mempunyai tapak arkeologi. PETRONAS juga tidak pernah menawarkan rancangan untuk mengenalpasti sejarah untuk tapak-tapak perkuburan tersebut.

Sekian, terima kasih.